

14 FEBRUARI 2018

Pusat karaoke tawar dadah berperisa mangga disebu

Pusat karaoke tawar dadah berperisa mangga diserbu

IPOH - Sebuah premis karaoke yang menawarkan pakej dadah berperisa air mangga yang boleh didapati bersama pembelian minuman keras pada harga mencecah RM300 diserbu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

dalam operasi di sini sebuah premis di Kinta awal pagi semalam.

Dalam serbuan pukul 3 pagi menerusi Ops Sarang itu, seramai 22 individu terdiri daripada 12 lelaki dan 10 gadis pelayan pelanggan (GRO) berusia

lingkungan 20-an ke 30-an ditahan kerana didapati positif dadah jenis syabu.

Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan AADK, Zolkifli Mohd Dom berkata, selain syabu, pengunjug juga ditawarkan dadah jenis ekstasi, eramin

5 dan ketamin oleh pelayan bar pada harga RM50.

Katanya, pada awal operasi, pengusaha premis pusat hiburan tersebut tidak memberikan kerjasama dengan mengunci setiap laluan masuk sehingga memaksa pihaknya meram-

pas alat kawalan jauh yang dikunci secara automatik.

"Siasatan mendapati ada pelanggan yang mendakwa tidak tahu dengan banchuan air dadah tersebut kerana ia mirip penggunaan paket minuman 3 dalam 1.

"Namun, kegiatan inilah yang menular di pusat-pusat hiburan seluruh negara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam yang turut dihadiri oleh Penolong Pengarah Penguatkuasaan AADK Perak, Azman Hashim.